



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN DAN PERTANDINGAN

FESTIVAL TARI BORNEO EDISI KE-8 / FTB 2023
DEWAN AUDITORIUM JKKN, KOTA KINABALU. SABAH
(07^{HB} - 10^{HB} NOVEMBER 2023)

ANJURAN BERSAMA:

**KOLEJ SIDMA
(UNIRAZAK PUSAT WILAYAH SABAH)**

Dan

**JABATAN KEBUDAYAAN DAN
KESENIAN NEGARA (JKKN), NEGERI
SABAH**


No. Dokumen: SIDMA/JKJH/SPP/01/23

Issue: 01 Revision: Rev.04

Muka Surat: 06

Tarikh dihasilkan: 20^{hb} Oktober 2023

Festival Tari Borneo Edisi Ke-8 (FTB 2023)



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN DALAM FESTIVAL TARI BORNEO EDISI KE-8 (FTB 2023)

A. SYARAT-SYARAT AM PENYERTAAN

1. Terbuka kepada semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) yang merangkumi Universiti/Kolej Universiti/Kolej/kolej Komuniti/Politeknik di kepulauan Borneo.
2. Setiap IPTA/IPTS hanya layak menghantar satu kumpulan tarian/satu penyertaan sahaja.
 - i. Setiap IPT perlu menghantar tidak lebih daripada 25 orang peserta dalam satu-satu pasukan. Jumlah ini termasuklah penari yang menyertai tarian persembahan, pertandingan, & krew.
 - ii. Bilangan minima jumlah penari di atas pentas adalah 10 orang penari dan maksima adalah 16 orang penari bagi Kategori Tarian Kreatif Etnik Borneo (Kategori yang dipertandingkan). Manakala, bagi Kategori Tarian Asli Tradisional Etnik Borneo (Kategori untuk persembahan sahaja) bilangan minima dan maksima jumlah penari yang berada di atas pentas adalah bebas mengikut keperluan dan ketentuan pasukan masing-masing.
 - iii. Penglibatan peserta yang terdiri dari pelbagai kaum adalah digalakkan.
 - iv. Hanya Kategori Tarian Kreatif Etnik Borneo dipertandingkan. Bagi kategori ini, setiap pasukan adalah dikehendaki menyediakan satu Video Montaj pendek pengenalan pasukan yang berdurasi 60 saat/1 minit dalam format Video MP4. Montaj pendek ini akan dimainkan sebelum persembahan Tarian Kreatif kumpulan masing-masing bermula. Untuk maklumat lanjut berkaitan dengan penyediaan Montaj pendek ini bolehlah berhubung dengan pihak urusetia FTB 2023.
 - v. Kategori Tarian Asli Tradisional Etnik Borneo hanya untuk persembahan sahaja dan setiap IPT yang menyertai Festival ini adalah diwajibkan untuk menyediakan dan mempersembahkan satu persembahan tarian selama 3 - 5 minit yang menampilkan ciri-ciri asli kedaerahan Borneo masing-masing.
3. Setiap kumpulan yang ingin menyertai pertandingan ini hendaklah melengkapkan borang penyertaan rasmi yang disediakan pihak penganjur. Borang penyertaan boleh dihantar melalui hantaran faks, emel atau pos di no. faks, alamat emel atau alamat pos berikut:

No. Faks : +60 88 732 013
Alamat Emel : ftb2023@sidma.edu.my
Alamat pos : URUSETIA DAN JAWATANKUASA PENGANJUR
FESTIVAL TARI BORNEO EDISI KE-8 (FTB 2023),
SIDMA College City Campus, Jalan Bundusan,
88300 KOTA KINABALU.
SABAH. MALAYSIA.

Nota: Tarikh tutup penghantaran borang penyertaan ialah pada 08hb September 2023.

B. SYARAT-SYARAT KHUSUS PERSEMBAHAN DAN PERTANDINGAN

1. Setiap Kumpulan/Peserta dibenarkan membawa dan menggunakan alat bantu yang bersesuaian dan tidak membahayakan atau mengganggu perjalanan semasa persembahan atau pertandingan dijalankan (**TIDAK DIBENARKAN PENGGUNAAN BAHAN API**). Hanya muzik *Minus One* dibenarkan untuk mengiringi kedua-dua tarian, sama ada Tarian Asli Tradisional Etnik Borneo untuk persembahan mahupun Tarian Kreatif Etnik Borneo yang dipertandingkan.

PENERANGAN LANJUT: Mengikut Juri, Takrifan Penuh kepada elemen larangan di dalam Item B.(1) Syarat-Syarat Khusus Persembahan dan Pertandingan FTB Ke-8 (FTB 2023) di atas adalah seperti berikut:

“Penggunaan Bahan Api, Tiupan Buih-buih “Blowing Bubbles” daripada sabun dan sebagainya, Cecair, Minyak, Benda Tajam, Bahan Letupan, Konfeti iaitu kepingan atau cebisan-cebisan kertas (untuk tujuan ditaburkan), biji-bijian dan butiran seperti pasir dan beras (untuk tujuan ditaburkan), dan semua bahan-bahan yang boleh membahayakan adalah TIDAK DIBENARKAN dan DILARANG dalam sesebuah persembahan”.

PENERANGAN TAMBAHAN: Kumpulan/Peserta diperingatkan untuk mengambil perhatian keatas beberapa perkara berikut:

- *Penggunaan set props pentas yang rumit dan terlalu besar juga adalah **TIDAK DIGALAKKAN** untuk mengelakkan masalah-masalah teknikal dan pengendalian perjalanan persembahan semasa pertandingan dijalankan.*
 - *Sebaliknya, penggunaan props tangan adalah **AMAT DIGALAKKAN**. Sebagai contoh (Payung, Kipas, Kain Sarung, Kompang, Pendayung Sampan dan lain-lain lagi).*
 - *Props berunsur senjata tajam hendaklah bersifat replika tiruan sahaja dan tidak tajam dan membahayakan. Peralatan sebenar adalah **TIDAK DIBENARKAN**.*
2. Setiap Kumpulan/Peserta tarian adalah bebas menggunakan kreativiti masing-masing dalam tarian-tarian yang dipersembahkan, walaubagaimanapun sebarang penggunaan peralatan (props) adalah di bawah tanggungjawab dan pengurusan Kumpulan/Peserta itu sendiri.
 3. Sebarang kehilangan barang-barang, kecederaan atau kemalangan yang disebabkan oleh kecuaiian Kumpulan/Peserta semasa Tarian Asli Tradisional Etnik Borneo dipersembahkan ataupun semasa Tarian Kreatif Etnik Borneo yang dipertandingkan adalah di bawah tanggungjawab Kumpulan/Peserta itu sendiri.
 4. Setiap Kumpulan/Peserta hendaklah menggunakan busana dan tatarias tarian yang bersesuaian bercirikan masyarakat **budaya timur** dan **tidak menjolok mata**.
 5. Setiap Kumpulan/Peserta mestilah terdiri daripada pelajar sepenuh masa di IPT yang menyertai dan diwajibkan menunjukkan kad matrik pelajar yang sah kepada penganjur semasa pendaftaran Kumpulan/Peserta dijalankan. Kumpulan/Peserta yang menggunakan penari luar atau staf-kakitangan akan dibatalkan penyertaannya.
 6. Semua kos-kos perbelanjaan menyertai FTB 2023 ini seperti kos perbelanjaan perjalanan, kos perbelanjaan penginapan dan lain-lain kos yang berkaitan adalah di bawah tanggungan Kumpulan/Peserta masing-masing.

Festival Tari Borneo Edisi Ke-8 (FTB 2023)

7. Penyertaan dalam Festival Tari Borneo ini mengandungi dua bahagian tarian untuk dipersembahkan iaitu:

Kategori Tarian Asli Tradisional Etnik Borneo (Hanya untuk Persembahan)

- i. Kategori ini tidak dipertandingkan tetapi adalah diwajibkan bagi semua Kontinjen/Kumpulan/Peserta yang menyertai Festival Tari ini. Setiap Kontinjen/Kumpulan/Peserta wajib mempersembahkan satu Tarian Asli Tradisional Etnik yang bercirikan kedaerahan masing-masing (Etnik Borneo).
- ii. Tarian Asli Tradisional Etnik Borneo adalah merangkumi tarian kelompok etnik atau suku bangsa di kepulauan Borneo.
- iii. Sinopsis persembahan untuk tarian ini hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia penganjur sebelum Festival Tari Borneo Ke-8 bermula.
- iv. Giliran persembahan akan ditentukan oleh pihak urusetia dan jawatankuasa teknikal persembahan mengikut kesesuaian dengan mengambil kira faktor-faktor berkaitan.
- v. Masa persembahan untuk tarian ini hendaklah di antara 3 hingga 5 minit sahaja.
- vi. Setiap Kumpulan/Peserta yang mempersembahkan tarian ini dikehendaki memakai busana asli tradisional yang bersesuaian dengan tarian yang dipersembahkan.
- vii. Hanya muzik **MINUS ONE** sahaja dibenarkan untuk mengiringi persembahan ini. Muzik ini hendaklah diserahkan kepada pihak penganjur dalam bentuk/Simpanan cakera padat (CD) atau peranti USB dengan format audio MP3, MP4 atau Wave.

Kategori Tarian Kreatif Etnik Borneo (Persembahan Dipertandingkan)

- i. Kategori Kreatif merupakan satu koreografi tari dan hendaklah berlandaskan etnik Borneo secara kreatif dan bukan berbentuk dramatari. Hanya kategori ini sahaja dipertandingkan untuk festival edisi kali ke-8 (FTB 2023) ini.
- ii. Sinopsis persembahan untuk tarian ini hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia penganjur sebelum Festival Tari Borneo Ke-8 dimulakan.
- iii. Masa persembahan untuk tarian ini hendaklah TIDAK KURANG daripada 10 minit dan TIDAK MELEBIHI daripada 12 minit.
- iv. 5 markah akan ditolak secara keseluruhan sekiranya masa persembahan adalah kurang daripada masa minimum yang telah ditetapkan selama 10 minit atau masa persembahan melebihi masa yang ditetapkan selama 12 minit. Masa persembahan akan dikira sebaik sahaja gerak tari/muzik/vokal yang pertama bermula.
- v. Giliran persembahan pertandingan akan ditentukan melalui cabutan undi yang akan dijalankan oleh pihak urusetia dan jawatankuasa teknikal pertandingan.
- vi. Hanya muzik **MINUS ONE** sahaja yang dibenarkan mengiringi persembahan ini. Muzik ini hendaklah diserahkan kepada pihak penganjur dalam bentuk/Simpanan cakera padat (CD) atau peranti USB dengan format audio MP3, MP4 atau Wave.

8. Setiap Kumpulan/Peserta tarian yang mengambil bahagian dalam Festival Tari ini hendaklah menanggung sendiri perbelanjaan kumpulan masing-masing dari segi persediaan latihan, jurulatih dan penyediaan busana dan tatarias selengkap-lengkapannya. Apa-apa perbelanjaan atau kerugian semasa menyertai FTB 2023 ini adalah tanggungjawab Kumpulan/Peserta masing-masing.

Festival Tari Borneo Edisi Ke-8 (FTB 2023)

9. Sekiranya Kumpulan/Peserta tarian tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat yang disebut di dalam syarat-syarat am penyertaan dan syarat-syarat khusus Persembahan/Pertandingan maka Hakim/Juri pertandingan berhak membuat keputusan untuk persembahan tersebut tidak diambil kira bagi pemarkahan.
10. Pertandingan ini akan menggunakan sistem Hakim/Juri Profesional yang dilantik oleh pihak penganjur dan **KEPUTUSAN JURI/HAKIM ADALAH MUKTAMAD.**
11. Hadiah:
Pihak penganjur akan menyediakan hadiah berupa wang tunai, piala dan sijil kepada setiap pemenang mengikut kategori dan ketetapan berikut:

Pemenang Kategori Kreatif Etnik Borneo (Kategori Dipertandingkan)

A. ANUGERAH - AUNGERAH UTAMA

Anugerah Paltinum

Johan (Johan Keseluruhan)	:	Wang Tunai RM 5,000.00 berserta Piala Kemenangan dan Sijil Pencapaian Anugerah Platinum
Naib Johan (Tempat Kedua Keseluruhan)	:	Wang Tunai RM 3,000.00 berserta Piala Iringan tempat ke-2 dan Sijil Pencapaian Anugerah Platinum
Ketiga (Tempat Ketiga Keseluruhan)	:	Wang Tunai RM 1,000.00 berserta Piala Iringan tempat ke-3 dan Sijil Pencapaian Anugerah Platinum

Anugerah Emas

Penerima Pertama	:	Plak/Memento Pencapaian dan Sijil Pencapaian Anugerah Emas FTB 2023
Penerima Kedua	:	Plak/Memento Pencapaian dan Sijil Pencapaian Anugerah Emas FTB 2023
Penerima Ketiga	:	Plak/Memento Pencapaian dan Sijil Pencapaian Anugerah Emas FTB 2023

Anugerah Perak

Penerima Pertama	:	Plak/Memento Pencapaian dan Sijil Pencapaian Anugerah Perak FTB 2023
Penerima Kedua	:	Plak/Memento Pencapaian dan Sijil Pencapaian Anugerah Perak FTB 2023
Penerima Ketiga	:	Plak/Memento Pencapaian dan Sijil Pencapaian Anugerah Perak FTB 2023

Anugerah Gangsa

Penerima Pertama	:	Plak/Memento Pencapaian dan Sijil Pencapaian Anugerah Gangsa FTB 2023
Penerima Kedua	:	Plak/Memento Pencapaian dan Sijil Pencapaian Anugerah Gangsa FTB 2023
Penerima Ketiga	:	Plak/Memento Pencapaian dan Sijil Pencapaian Anugerah Gangsa FTB 2023

Festival Tari Borneo Edisi Ke-8 (FTB 2023)

B. ANUGERAH - AUNGERAH SAMPINGAN

Anugerah Koreographer Terbaik

Johan	:	Wang Tunai RM 500.00 berserta Sijil dan Piala Iringan
Naib Johan	:	Wang Tunai RM 400.00 berserta Sijil dan Piala Iringan
Ketiga	:	Wang Tunai RM 200.00 berserta Sijil dan Piala Iringan

Anugerah Busana Dan Tatarias Terbaik

Johan	:	Wang Tunai RM 800.00 berserta Sijil dan Piala Iringan
Naib Johan	:	Wang Tunai RM 500.00 berserta Sijil dan Piala Iringan
Ketiga	:	Wang Tunai RM 400.00 berserta Sijil dan Piala Iringan

Anugerah Susunan Muzik (Music Arrangement) Terbaik

Johan	:	Wang Tunai RM 800.00 berserta Sijil dan Piala Iringan
Naib Johan	:	Wang Tunai RM 500.00 berserta Sijil dan Piala Iringan
Ketiga	:	Wang Tunai RM 400.00 berserta Sijil dan Piala Iringan

Johan Keseluruhan Festival Tari Borneo Edisi Kali Ke-8 (FTB 2023)

Johan Keseluruhan	:	Piala Kemenangan (Piala Pusingan)
-------------------	---	-----------------------------------

C. SKEMA PEMARKAHAN PERTANDINGAN

KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN - TARIAN KREATIF ETNIK BORNEO

1. Kreativiti (20 MARKAH)

i. Keunikan Gerak (10 Markah)

Tumpuan diberi kepada penjonolan gerak tari yang original yang mungkin berteraskan sesuatu bentuk tradisi ataupun sebaliknya. Ini mungkin juga terhasil daripada proses improvisasi sewaktu berkarya.

ii. Elemen yang tidak disangka-sangka atau Kekaguman (5 Markah)

Merangkumi pergerakan atau sesuatu simbol atau perlambangan yang bersifat 'spectacular' yang berlaku dengan tidak disangka-sangka oleh penonton. Elemen-elemen yang bersifat humor/komedi atau 'extravaganza' yang mengandungi unsur-unsur pengajaran dan mampu memberi kesan yang mendalam kepada penonton akan diberikan perhatian.

iii. Penggunaan Set dan Prop (5 Markah)

Penggunaan Set, Prop secara baru atau dengan tahap olahan yang paling kreatif. Penggunaan set dan prop yang membawa sesuatu maksud yang tertentu dan membantu menyampaikan mesej kepada penonton.

2. Koreografi (20 MARKAH)

i. Teknik Gerak (10 markah)

Merangkumi segala aspek gerak tarian. Ini meliputi posture yang betul, kelenturan badan, pandangan mata (*eye-line* yang tepat), penggunaan gerakan kaki yang baik dengan pemindahan gerak badan yang licin dan teknik gerakan yang baik seperti lompatan, pusingan, goyangan, gulingan, luncuran, memanjat dan sebagainya (*degree, level, enegercy, sharpness*).

ii. Kualiti Dalaman (10 Markah)

Markah akan diberi kepada kefahaman dan penghayatan penari terhadap pembawaan gerak. Pergerakan yang berharmoni dengan alunan muzik iringan serta dapat mengikuti dan menguasai rentak-rentak yang berbeza dengan tepat. Peradapan yang sewajarnya dalam sesuatu tarian mesti ditonjolkan. Teras kepada penciptaan karya tari harus diberi perhatian.

3. Persembahan / Posture (30 MARKAH)

i. Keseragaman (20 Markah)

Markah akan diberikan kepada penonjolan penggambaran tajuk yang jelas dan pergerakan yang harmoni. Kesilapan gerak yang keterlaluan daripada penari akan menyebabkan kehilangan markah. Ada kalanya pereka tari menentukan beberapa gerak tari penari dengan pergerakan yang berbeza dalam sesuatu masa yang sama. Ini harus dilakukan di dalam keadaan, cara atau teknik yang jelas, teratur dan tersusun.

ii. Personaliti (10 Markah)

Penampilan penari di atas pentas akan diambil kira. Perwatakan penari adalah penting dan kejayaan penyampaian mesej di dalam sesuatu koreografi tarian kepada penonton.

4. Kesesuaian Muzik / Susunan Muzik (10 MARKAH)

Susunan muzik yang dapat menggambarkan perkaitan dengan tarian yang disampaikan. Penyambungan lagu yang licin dan sempurna serta tidak menimbulkan rasa yang tidak selesa.

5. Penggunaan Ruang / Pola Lantai (10 MARKAH)

Meliputi ruang dan pola lantai yang menarik dan cantik. Markah akan diberi untuk patern atau formasi-formasi yang menarik. Transisi dari satu formasi ke satu formasi yang lain dengan lancar serta unik akan diberi perhatian yang lebih tinggi.

6. Kostum / Busana dan Tatarias (10 MARKAH)

Olahan antara daya kreatif, kecantikan / keindahan dan kesesuaian dengan tema tarian. Kostum yang menepati tema sesuatu tarian akan diberi lebih perhatian.